# MALAYSIA OPEN MASTER ATHLETIC CHAMPIONSHIP 2009

Pasukan Olahraga Veteran UniMAP sekali lagi mengegarkan Stadium Ipoh Perak dalam siri kejohanan Malaysia Open Master. Kejohanan yang berlangsung pada 7-8 November 2009 telah menyaksikan pasukan olahraga veteran UniMAP merangkul 6 emas 3 perak dan 5 gangsa. Pasukan di bawah bimbingan jurulatih En Abdul Rasid Mahamoud ini telah memberikan pencapaian yang baik setakat ini. Ini merupakan sebahagian daripada persiapan pasukan olahraga UniMAP dalam mempertahankan kedudukan sebagai johan dalam Kejohanan Olahraga Sukan Staf IPTA di USM nanti.